

BAHASA MELAYU PENGUKUH JATI DIRI BANGSA: DARI PERSPEKTIF DUNIA KORPORAT

Awang Haji Mohd Zaini bin Haji Awang Omar

1. Pengenalan

Para sarjana linguistik sering menekankan peranan bahasa sebagai alat penyerlah akal budi penuturnya. Manusia berfikir dengan bantuan konsep-konsep atau kosa kata yang wujud dalam bahasa yang dikuasainya dan dengan yang demikian, bahasa berperanan sebagai wahana penyerlah akal budi penuturnya. Hanya dengan bantuan bahasa, manusia mampu menanggapi dan mengungkapkan pengalaman yang telah atau bakal ditempuhi dalam kehidupan sehari-hari. Bahasa dan hakikat kehidupan para penuturnya merupakan dua aspek yang ditanggapi oleh para sarjana sebagai amat erat hubungannya. Pandangan-pandangan yang dikemukakan jelas membayangkan bahawa bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai wahana komunikasi. Unsur yang terkandung dalam sesuatu bahasa dan cara unsur bahasa ini digunakan juga menggambarkan corak kehidupan lahiriah dan 'pandangan atau penglihatan dunia' (*weltanschauung*) para penggunaannya. Dengan demikian dapatlah kita mengandaikan bahawa bahasa Melayu bukan sahaja berfungsi sebagai wahana komunikasi masyarakat Melayu tetapi juga berfungsi sebagai penggambar corak kehidupan lahiriah dan *weltanschauung* masyarakat Melayu.

Dari perspektif budaya pula, bahasa sering digambarkan sebagai akar budaya sesuatu bangsa. Pengamal budaya ialah manusia. Manusia yang berbudaya ialah manusia yang mempunyai bahasa. Bahasa yang digunakan oleh penuturnya dan pemakainya merupakan ekspresi budaya, sehingga dengan yang demikian, pengucapan mahupun pemakaiannya mencerminkan jati diri bangsa serta individu pemakainya.

Tidak syak lagi bahawa bahasa Melayu memang sudah sejak kewujudannya lagi merupakan milik bangsa Melayu dan ianya merupakan sebahagian daripada bahasa-bahasa utama di dunia. Dalam mendepani arus pembangunan dan rempuhan gelombang globalisasi masa kini, kekukuhan

bahasa Melayu tampak seperti tercabar, lebih-lebih lagi dengan pendominasian bahasa Inggeris dalam komunikasi dan informasi global. Jaminan untuk menjadikan bahasa Melayu itu kukuh dan tetap utuh bertahan seperti hari ini terletak di tangan pemiliknya, iaitu bangsa Melayu itu sendiri. Apa yang penting adalah untuk mengimbau kesedaran dan tindakan mereka untuk menjamin bahasa Melayu tidak dipinggirkan dalam arus perdana pembangunan. Keperluan terhadap peneguhan sikap bangsa Melayu terhadap bahasa Melayu sebagai warisan budaya bangsa yang paling berharga menjadi lebih penting dan mendesak dalam konteks globalisasi kerana jika tidak, kita mungkin akan kehilangan jati diri dan nilai setempat.

2. Bahasa Melayu dan dunia korporat - di Brunei Darussalam

Sebagai seorang warga korporat yang berbangsa Melayu, saya melihat peranan bahasa Melayu itu sama pentingnya dalam semua urusan baik di sektor awam mahupun di sektor swasta. Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara sudah diperjelas kepada pihak swasta melalui beberapa siri perjumpaan dan permuzakarahannya di antara Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan pihak-pihak swasta berkenaan bermula dari tahun 1963 sehinggalah ke tahun 1971. Pihak swasta yang terlibat dalam siri perjumpaan tersebut termasuklah Dewan Perniagaan Cina, wakil-wakil syarikat perniagaan dan bank, pengurus-pengurus syarikat perniagaan dan tuan punya kedai di Pekan Muara, Kuala Belait dan juga di daerah Tutong. Secara keseluruhan, hasil daripada perjumpaan itu keseragaman penggunaan bahasa Melayu bagi kedai dan syarikat diwujudkan khususnya mengenai tulisan pada papan tanda kedai dan kenderaan. Tulisan bukan setakat dalam bahasa Melayu, malah juga dalam tulisan Jawi.

3. Lesen untuk beroperasi

Dalam upaya memacu perkembangan ekonomi, memang diakui peranan sektor swasta khususnya badan-badan korporat yang utuh dan berdaya saing sentiasa menjadi pemain utama dalam mempelbagaikan ekonomi negara dan dengan demikian menyumbang kepada kesejahteraan dan kemakmuran negara dan rakyat. Bagi sebuah badan korporat, lebih-lebih

lagi yang didaftarkan sebagai syarikat tempatan, aspek-aspek reputasi, imej dan identiti (atau istilah 'brand' dalam konsep pemasaran) dilihat sangat penting kerana ia boleh menjejaskan keupayaannya untuk memiliki lesen untuk beroperasi (*licence to operate*). Badan-badan korporat di Negara Brunei Darussalam tidak dapat lari daripada hakikat bahawa mereka beroperasi dalam persekitaran yang mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara serta meletakkan Melayu sebagai salah satu intipati falsafah negara iaitu konsep Melayu Islam Beraja. Survival atau upayanya untuk bertahan serta terus memiliki lesen untuk beroperasi bukan sahaja bergantung semata-mata kepada faktor untung rugi urus niaganya, malah ianya juga bergantung kepada kepekaan atau tahap sensitivitinya terhadap isu-isu yang ditimbulkan dalam persekitaran di mana ia beroperasi. Ini termasuklah menangani isu-isu budaya dan bahasa selain daripada isu-isu urus niaga yang lain yang secara langsung mengandungi nilai ekonomi kepada badan korporat tersebut.

4. Tanggungjawab sosial korporat

Konsep menangani tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*) sebagai komponen penting dalam proses urusniaga dilihat sangat relevan untuk mempromosikan badan korporat itu sebagai warga korporat yang bertanggungjawab (*responsible corporate citizen*). Pelaksanaan tanggungjawab sosial ini dimanifestasikan dalam penglibatan badan ini dalam kegiatan-kegiatan yang berbentuk pelaburan sosial, termasuklah kegiatan-kegiatan mempromosikan budaya dan bahasa Melayu. Sebagai contoh, lihat sahaja kegiatan yang diungkayahkan oleh Syarikat Minyak Brunei Shell Sdn. Bhd. (BSP) dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam yang berhubung kait dengan kegiatan-kegiatan dalam bidang bahasa dan sastera. Antara kegiatan tersebut termasuklah tajaan syarikat BSP dalam projek Anugerah Kreatif Bahana, penglibatan tenaga profesional dan pakar-pakar BSP dalam kerja-kerja pembentukan istilah dalam bidang-bidang kewangan, perakaunan dan kejuruteraan, sumbangan kewangan dalam upaya penerbitan dan penyediaan bahan-bahan di bahagian perpustakaan dan lain-lain lagi. Peranan akhbar SALAM, akhbar bulanan terbitan syarikat BSP, sebagai wadah utama penerbitan penulisan kreatif para

penulis Brunei Darussalam terutamanya dalam tahun-tahun 50an, 60an dan 70an memang tidak dapat disangkal lagi.

5. Pengukuhan penggunaan bahasa Melayu di sektor korporat

Namun demikian, saya berpendapat bahawa kita masih mempunyai perjalanan yang jauh dalam menuju matlamat untuk mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu di sektor korporat dan swasta. Walaupun kita sudah meletakkan matlamat menjadi negara maju dengan acuan kita sendiri dan menerima hakikat bahawa soal reputasi, imej, identiti atau jati diri korporat itu penting, namun dengan senario yang kita lihat pada hari ini, apakah ia menepati apa yang kita maksudkan maju dengan acuan sendiri itu. Adakah kita memang mahukan begitu acuannya, yang dibentuk oleh asas bahasa yang bukan milik kita, yang didasari budaya yang akarnya bukan warisan kita. Adakah makna acuan sendiri itu bermaksud maju dengan bahasa yang dipinjam dan budaya yang disogokkan oleh kuasa asing.

Terdapat dua faktor yang memberi hambatan terhadap pengukuhan penggunaan bahasa Melayu di sektor korporat di Negara Brunei Darussalam. Faktor-faktor tersebut memfokus kepada sikap warga korporat itu terhadap bahasa ibundanya sendiri iaitu bahasa Melayu dan faktor persekitaran yang memberi impak terhadap penggunaan bahasa Melayu di sektor korporat dan swasta. Kelihatan sekarang bahawa bahasa Inggeris kini mendominasi komunikasi dan informasi global dan dengan demikian bahasa Inggeris telah menjadi bahasa global dan mampu menawan minda sebahagian besar warga korporat kita sehingga mereka menganggap bahasa Inggeris lebih layak digunakan sebagai bahasa urus niaga. Kita akui bahawa bahasa Inggeris adalah bahasa komunikasi antarabangsa. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ada menyenaraikan lima lagi bahasa iaitu bahasa Perancis, Mandarin, Rusia, Sepanyol dan Arab, sebagai bahasa rasminya. Enam bahasa ini bolehlah dikatakan bahasa komunikasi antarabangsa. Kita boleh belajar bahasa-bahasa tersebut atau apa bahasa sekalipun, mengikut keperluannya, seperti mereka yang terlibat dalam urusan diplomatik, urusan urus niaga antarabangsa dan sebagainya. Sudah tentu kita tidak mahu miskin bahasa. Oleh kerana itu, kita perlu mempelbagaikan penguasaan bahasa untuk mendapatkan ilmu dan menyalurkannya dalam bahasa Melayu. Kita perlu belajar bahasa asing,

bukan sekadar bahasa Inggeris, bukan kerana ianya bahasa yang lebih maju atau lebih baik budayanya, tetapi untuk mendapatkan ilmu dan maklumat yang terkandung di dalamnya.

Apabila Eropah bangkit dari zaman kegelapannya, mereka mencungkil segala ilmu dari pusat-pusat tamadun Islam seperti di Cordova dan Baghdad. Pengkaji Eropah belajar bahasa Arab dan membawa pulang semua ilmu tersebut dengan diterjemahkan dalam bahasa masing-masing. Mereka membangunkan tamadun dan teknologi yang berasaskan bahasa Arab, tetapi tidak pun menyebarkannya kepada bangsa mereka dalam bahasa Arab.

Sikap tidak mengutamakan bahasa Melayu dan lebih serius lagi sikap meminggirkan bahasa Melayu tentunya didorong oleh faktor pendedahan mereka kepada bahasa Inggeris. Warga korporat itu sendiri kurang yakin diri dengan penguasaan bahasa Melayu oleh kerana sebahagian besar daripada mereka terdedah dengan pendidikan Barat yang berpengantar bahasa Inggeri. Malah sebahagian daripada mereka sudah merasa kurang yakin dengan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan wahana komunikasi budaya saintifik dan teknikal.

Bahasa maju dan bahasa sebagai alat pembangunan

Kepimpinan dan warga korporat masih lantang mengatakan bahawa untuk menjadikan bangsa dan urus niaga kita maju, orang-orang Melayu perlu menggunakan bahasa Inggeris, bukan sebagai bahasa kedua tetapi sebagai alat utama dalam pembangunan dan kemajuan urus niaga. Barangkali mereka ini terpengaruh dengan konsep *language development* atau kemajuan bahasa yang dikaitkan dengan kemajuan atau *development* dunia Barat dalam bidang ekonomi dan perindustrian abad ke-18 atau ke-19. Dari tradisi itu lahirlah takrif tentang 'bahasa maju' atau bahasa moden seperti yang dijelaskan oleh ahli sosiologi bahasa ortodoks Barat, misalnya Ferguson (1968). Beliau mengatakan bahawa bahasa yang maju atau *a developed language* ialah bahasa yang memiliki tiga ciri, iaitu (i) bahasa itu sudah mempunyai sistem tulisan yang jelas dan lengkap, (ii) bahasa itu sudah membentuk suatu ragam bahasa yang disebut *a supradialectal form*, yakni

ragam bahasa yang mengatasi ragam-ragam bahasa daerah, dialek, bahasa pasar dan sebagainya, dan (iii) bahasa itu mampu menterjemahkan karya-karya ilmu atau *modern forms of discourse* daripada bahasa-bahasa dunia yang maju (yang dimaksudkan ialah bahasa Eropah.Barat).

Kalau inilah kriteria 'bahasa yang maju', tentu sahaja bahasa Melayu sudah menepati semua kriteria tersebut sebagai bahasa yang maju sekurang-kurangnya sejak abad ke-13 lagi. Mungkin juga pemikiran bangsa kita ini tentang fungsi bahasa sebagai alat pembangunan kuat dipengaruhi oleh pandangan atau 'teori' Fishman (1968) yang membezakan fungsi atau taraf bahasa 'peribumi' (di negara bekas tanah jajahan Barat) dengan taraf atau fungsi *bahasa komunikasi luas* (BKL) yang mana istilah asalnya ialah *Language of Wider Communication* (LWC), misalnya bahasa Inggeris atau bahasa Perancis: bahasa 'peribumi' dianggap penting hanya untuk tujuan dan kepentingan 'fungsi nasionalis', fungsi simbolik atau fungsi pembentuk 'identiti bangsa'dari segi makna sosiobudaya, manakala bahasa LWC Barat penting untuk untuk tujuan atau fungsi 'nasionis', yakni sebagai bahasa kemajuan di negara sedang membangun. Kita perhatikan bahawa, sering kali apabila pemimpin kita di Negara Brunei Darusalam mahupun di Malaysia, misalnya, bercakap tentang 'bahasa kemajuan', yang dimaksudkan ialah bahasa Inggeris. Apabila mereka bercakap tentang 'martabat' bahasa Melayu, yang dimaksudkan ialah fungsi bahasa itu sebagai 'bahasa pentadbiran kerajaan' atau sebagai 'bahasa perpaduan' semata-mata.

Kita perhatikan bahawa takrif tersebut bukan linguistik, tetapi ianya lebih bersifat takrif sosiologis atau non-linguistik atau politik. Tidak ada bahasa di dunia ini yang dapat dikatakan lebih maju atau lebih mundur daripada bahasa yang lain. Semua bahasa di dunia mampu berfungsi sebagai bahasa kemajuan, bahasa ilmu dan bahasa pembentuk tamadun tinggi asalkan persekitarannya tidak menghalang pertumbuhannya ke arah itu.

Kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dari perspektif sejarah

Tanggapan warga korporat yang kurang yakin dengan kemampuan bahasa Melayu mungkin disebabkan mereka lupa tentang sejarah budaya bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Mungkin dengan pengaruh globalisasi,

dunia tanpa sempadan dengan pelbagai konsep dan istilah atas nama kemajuan, kita leka untuk memastikan kita sebenarnya punya akar budaya dan bahasa yang sememang utuh nilainya, mantap dasarnya, kukuh jati dirinya, berkesan fungsinya dan luas penggunaannya. Sesungguhnya, bahasa Melayu bukannya satu bahasa yang baru, malah sudah menjadi *lingua franca* dalam perdagangan, politik dan budaya seawal abad ke-7 lagi. Kemudiannya, Tamadun Ikra', tamadun membaca dan menulis, di rantau berbahasa Melayu ini bermula sejak abad ke-12 atau lebih jelas lagi sejak abad ke-13 apabila bangsa Melayu bertembung dengan tamadun Islam yang menyinari kawasan kita dengan ilmu Tauhid dan pandangan sejagat yang dapat di terima oleh fitrah manusia. Tulisan Jawi yang diciptakan oleh orang Melayu berdasarkan abjad Arab pada abad itu mengandung hikmah yang luar biasa: dengan tulisan itulah bermulanya sejarah tamadun persuratan yang cukup gemilang di rantau ini.

Oleh sebab bahasa Melayu sudah lama mencapai taraf sebagai *lingua franca* perdagangan dan sosial di rantau ini (lama sebelum kedatangan pedagang dan pengembang Islam dari Tanah Arab), maka pertumbuhan ilmu yang dilancarkan melalui kegiatan penulisan atau persuratan dalam bahasa Melayu itu, sejak terbentuknya tulisan Jawi, dapat pula merentas kawasan geografi dan sempadan etnik yang melata. Dengan demikian, kita perhatikan bahawa di mana-mana sahaja tertubuhnya kerajaan Melayu - Islam di rantau ini, di situlah wujudnya pusat perkembangan ilmu dalam bahasa Melayu, baik dalam bentuk tulisan mahupun dalam bentuk penyebaran lisan, berdasarkan nilai-nilai agama tersebut. Dapat dikenal pasti sekurang-kurangnya tujuh pusat pertumbuhan kesusasteraan dan ilmu yang penting di dunia berbahasa Melayu dari abad ke 13 (atau lebih awal lagi) hingga pertengahan abad ke 19. Ini termasuklah kerajaan Samudera Pasai (1250 - 1524), kerajaan Melayu-Aceh-Islam (wujud sejak abad 13 sehingga mencapai kemuncak sebagai pusat perkembangan ilmu dan kegiatan penulisan dan intelektual yang cukup giat dalam abad ke-17), kerajaan Melaka (1400-1511) yang masyhur sebagai kota pelabuhan kosmopolitan dan antarabangsa dan juga kuasa pengembang tamadun Islam di rantau ini, kerajaan Johor (1511-1798), kerajaan Riau (1798-1900), pusat kesusasteraan dan ilmu di Palembang Sumatera (1650-1824), kerajaan Melayu-Bugis-Islam

Makasar (1604) dan pusat perkembangan ilmu di Patani, Selatan Siam (dalam abad ke-18 dan ke-19).

Daripada pusat pertumbuhan kesusasteraan dan ilmu ini lahir tokoh-tokoh pengarang dan karya-karya yang unggul yang antara lain termasuklah *Hikayat Raja Pasai* yang mana ilham dan bahannya berasal dari Pasai. Melaka pula terkenal dengan *Sulalat al Salihin* sebuah karya agung Melayu yang cukup masyhur. Palembang terkenal dengan pemikir dan pengarangnya yang besar, iaitu Abdul Samad al-Palembangi dengan karyanya, *Siyart al-Salikin*. Melaka pada zaman kuasa Barat (Inggeris) pada pertengahan abad ke-19 terkenal pula dengan nama pengarang, pemikir dan pengkritik sosialnya, Abdullah bin Abdul Kadir Munshi atau Abdullah Munshi. Di Riau muncul, pada zaman yang sama, tokoh budaya, sejarah dan ahli bahasa - Raja Ali Haji - yang menghasilkan *Tuhfat al-Nafis, Salasilah Melayu dan Bugis* dan dua buah buku bahasa, iaitu *Kitab Pengetahuan Bahasa* dan *Bustan al-Katibin* manakala Patani pula melahirkan tokoh pemikir dan pengarang agungnya, Syeikh Ahmad Daud al-Fathani. Demikianlah kehebatan dan keunggulan bahasa Melayu yang mampu menjadi bahasa ilmu dan persuratan yang gemilang dan terbilang.

Memantapkan kemampuan bahasa Melayu melalui kegiatan MABBIM

Kita juga perlu menyedarkan dan meyakinkan kalangan warga korporat kita bahawasanya bahasa Melayu itu sudah sekian lama mampu menjadi bahasa pengungkap ilmu-ilmu moden yang relevan dengan tuntutan globalisasi, seperti ilmu sains dan teknologi, ekonomi, perundangan, falsafah, agama, diplomatik, pentadbiran antarabangsa, dan lain-lain. Usaha-usaha memantapkan kemampuan bahasa Melayu sudah berjalan tidak hanya digerakkan secara bersendirian di negara masing-masing anggota MABBIM, tetapi juga bergerak secara bersama dengan mengadakan pertemuan-pertemuan bagi pengayaan istilah-istilah ilmu moden dalam bahasa Melayu, membentuk buku-buku pedoman, seperti buku *Pedoman Umum Pembentukan Istilah* dan *Pedoman Umum Pembentukan Ejaan Baru Bahasa Melayu*. Buku tatabahasa bahasa Melayu juga sudah diterbitkan sebagai pedoman dan panduan bagi penentuan bentuk yang

baku, seperti *Tatabahasa Dewan Jilid I* dan *Tatabahasa Dewan Jilid II*, bagi Malaysia dan *Tata Bahasa Baku Bahasa Indonesia* bagi Indonesia.

Kita juga melihat bahawa penglibatan golongan ahli politik dalam kalangan negara anggota MABBIM dalam sama-sama mempengaruhi dan mendorong gerakan memperkasa dan memasyarakatkan bahasa Melayu dengan lebih berkesan lagi adalah merupakan satu perkembangan yang amat memberangsangkan. Penandatanganan Komunike Bersama yang telah berlangsung di Jakarta pada 31 Julai 2006 melibatkan Menteri Pelajaran Malaysia, Menteri Pendidikan Nasional Republik Indonesia dan Menteri Perhubungan Negara Brunei Darussalam. Kesepakatan daripada Komunike Bersama ini sudah pasti akan lebih mudah mensosialisasikan perjuangan pemerdayaan bahasa Melayu di negara-negara anggota MABBIM kerana semangat daripada kesepakatan itu memfokuskan kepada tiga perkara, iaitu:

- i. Memantapkan penggunaan bahasa kebangsaan rasmi di negara masing-masing dengan kedudukan dan fungsinya
- ii. Mempertinggi kemampuan bahasa Melayu/Indonesia sebagai bahasa ilmu
- iii. Meningkatkan mutu penggunaan bahasa Melayu/Indonesia dalam berbagai-bagai lapisan masyarakat

Kini, ketiga-tiga negara sudah dan akan mula melaksanakan sebahagian apa yang telah disepakati dalam Komunike Bersama. Malaysia giat dengan kegiatan-kegiatan memperkasakan bahasa kebangsaan melalui Jawatankuasa Eksekutif Memperkasakan Bahasa Kebangsaan yang memang sudah dibentuk sebelum Komunike Bersama ini ditandatangani, Indonesia dengan kempen mengutamakan penggunaan bahasa Indonesia di ruang umum, dan Brunei Darussalam pula mengadakan Jerayawara “Utamakan Bahasa Melayu” ke kementerian-kementerian kerajaan, pihak swasta, dan orang awam serta meneruskan pengungkayahan forum perdana bahasa peringkat kebangsaan bagi tujuan pelestarian bahasa Melayu pada era globalisasi ini dengan memfokuskan khalayak sasaran kepada golongan belia.

Faktor persekitaran

Faktor persekitaran mempunyai pengaruh yang besar terhadap pengukuhan penggunaan bahasa Melayu di sektor swasta dan korporat. Apa yang dikira sebagai hambatan dalam mengembang majukan pengaruh bahasa Melayu itu ialah apabila perancangnya terpaksa berhadapan dengan perancang pembangunan negara dalam sektor yang lain. Perancangan pembangunan negara selalu dikaitkan dengan keperluan membina dan memajukan negara selaras dengan rentak kemajuan dunia yang mementingkan kekuatan politik dan ekonomi. Dalam konteks itu bahasa dipandang dan dilayan urus semata-mata sebagai komponen budaya yang bukan menjurus kepada pemajuan politik dan ekonomi. Dalam keadaan itu seruan sering terdengar imbauan kepada kalangan politik dan pemimpin negara serta tokoh-tokoh korporat supaya mereka turut meningkatkan penghargaan terhadap bahasa dan sastera bangsa. Saya kira seruan supaya mereka turut meningkatkan penghargaan itu mungkin kurang tepat. Yang paling tepat ialah mengimbuu kesedaran dan tindakan mereka untuk menjamin bahasa Melayu dan sasteranya tidak dipinggirkan dalam arus perdana pembangunan.

Isu bahasa perlu dilihat sebagai perkara yang serius. Rempuhan globalisasi semakin membimbangkan sehingga kelihatan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan semakin tercabar dan kecenderungan pengguna untuk meminggirkan bahasa Melayu semakin jelas, lebih-lebih lagi di sektor swasta. Papan-papan tanda, nama-nama kedai, nama-nama bangunan perniagaan, dan iklan-iklan di tepi-tepi jalan sudah banyak ditulis dalam bahasa asing, khususnya bahasa Inggeris. Penggubalan Akta Bahasa di Negara Brunei Darussalam, pada hemat saya, perlu diberikan keutamaan

Di pejabat-pejabat kerajaan, sudah ada jabatan yang menyelenggarakan mesyuarat dalam bahasa Inggeris, borang-borang, surat-surat makluman, dan kontrak perniagaan ditulis dalam bahasa Inggeris walaupun hanya melibatkan kalangan orang Melayu atau penutur bahasa Melayu. Kalau demikian halnya, bagaimana mahu mengimbuu tokoh-tokoh

korporat untuk mempergiat usaha mengukuhkan penggunaan bahasa Melayu dalam urus niaga masing-masing.

Dalam membuat peruntukan untuk kegiatan pelaburan sosial, isu-isu bahasa belum mendapat prioriti utama dibandingkan dengan isu-isu kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (HSE), isu pendidikan, perkembangan urus niaga tempatan (*local business development*), isu kesejahteraan komuniti dan lain-lain isu yang memberi impak secara langsung ke atas urus niaga badan korporat berkenaan.

Bagi tujuan ilustrasi, saya ingin menyenaraikan sebahagian contoh-contoh penggunaan dan juga peminggiran bahasa Melayu dalam urus niaga Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP), sebuah syarikat swasta dan badan korporat terbesar di Negara Brunei Darussalam. Berikut, disenaraikan contoh-contoh tersebut:

- ❖ Penerbitan untuk bacaan umum (seperti akhbar SALAM, Laporan Tahunan) dibuat dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris
- ❖ Siaran akhbar (*press releases*) dibuat dalam bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris
- ❖ Kelulusan bahasa Melayu pada peringkat 'O' menjadi pra-syarat untuk mendapatkan biasiswa BSP
- ❖ Kemampuan berbahasa Melayu tidak relevan dalam kriteria pengambilan kakitangan (temuduga biasanya dibuat dalam bahasa Inggeris)
- ❖ Kenaikan pangkat berdasarkan sepenuhnya kepada prestasi kerja - kemampuan berbahasa Melayu tidak termasuk dalam kriteria
- ❖ Kesemua mesyuarat (pada peringkat pengurusan, direktorat, jabatan dan bahagian) dikendalikan dalam bahasa Inggeris

Penutup

Daripada pengamatan di atas, sudah tentunya kita perlu mempergiatkan lagi usaha bagi pemasyarakatan bahasa Melayu di sektor

swasta dan korporat. Perlu ada peneguhan sikap terhadap bahasa Melayu sebagai warisan budaya bangsa yang berharga dan penjana tamadun ilmu di rantau berbahasa Melayu ini. Peneguhan sikap itu terbit daripada rasa cinta dalam kalangan bangsa Melayu terhadap bahasa ibundanya sendiri iaitu bahasa Melayu. Kita perlu mengekalkan identiti/jati diri sebagai bangsa berbahasa Melayu kerana inilah warisan tamadun bersama yang kita warisi sejak beratus tahun dahulu. Jangan kita biarkan arus globalisasi yang digerakkan dari luar (misalnya melalui bahasa Inggeris) memusnahkan identiti ini. Jika ini berlaku, kita tidak akan maju berdasarkan kepentingan kita, kehendak kita dan acuan kita.